


III



# **RAJA BERPERLEMBAGAAN DAN DEMOKRASI BERPARLIMEN**


**CONSTITUTIONAL MONARCHY AND PARLIAMENTARY DEMOCRACY**



3.1

# LATAR BELAKANG PEMERINTAHAN BERAJA DAN DEMOKRASI BERPARLIMEN

APAKAH KRONOLOGI SEJARAH NEGARA KITA BERKAITAN  
DENGAN PEMERINTAHAN BERAJA?

- 
- Raja berkuasa mutlak
  - Kuasa raja termasuk kuasa pemerintahan, perundangan dan kehakiman
  - Berlandaskan undang-undang bertulis seperti Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka
  - Diperkukuh dengan konsep Islam yang menjadikan raja sebagai ketua agama Islam.
  - Mempunyai pengaruh yang luas bagi membina tradisi dan adat istiadat
  - Kerajaan Melayu lain mewariskan adat istiadat dan tradisi Kesultanan Melayu Melaka
  - Kesultanan Melayu merujuk kerajaan yang mempunyai pertalian dengan Kesultanan Melayu Melaka dari segi keturunan atau menjaji naungan/jajahan takluk Kesultanan Melayu Melaka






# 3.1

# LATAR BELAKANG PEMERINTAHAN BERAJA DAN DEMOKRASI BERPARLIMEN

APAKAH KRONOLOGI SEJARAH NEGARA KITA BERKAITAN  
DENGAN PEMERINTAHAN BERAJA?



- Pemerintahan beraja menjadi penghalang terhadap perluasan kuasa British semasa British melakukan penjajahan di negara kita
- British memperkenalkan Sistem Residen di NNMB dan Sistem Penasihat di NNMTB
- Raja-raja Melayu masih memerintah dengan campur tangan British dalam pentadbiran tempatan yang dimeterai melalui perjanjian atau surat perisytiharan daripada Raja-raja Melayu

## NNMB

British mengambil alih pentadbiran pada peringkat pembesar negeri. Raja-raja Melayu kekal sebagai pemerintah berdaulat, walaupun dikehendaki menerima nasihat daripada pegawai British yang dilantik sebagai Residen.

## NNMTB

Penasihat British ditempatkan oleh raja. Namun begitu, kedudukan raja masih kukuh dan pembesar yang dilantik oleh raja melaksanakan pentadbiran negeri. Penggubalan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895 dan Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu 1911 berkait rapat dengan usaha raja, pembesar dan rakyat untuk menghalang peluasan kuasa British dan mengekalkan kedaulatan negeri.




3.1

# LATAR BELAKANG Pemerintahan Beraja dan Demokrasi Berparlimen

## APAKAH KRONOLOGI SEJARAH NEGARA KITA BERKAITAN DENGAN PEMERINTAHAN BERAJA?

- Raja-raja Melayu diiktiraf sebagai ketua dalam hal ehwal agama Islam dan memperoleh pendapatan seperti sebelum Perang Dunia Kedua
- Pengiktirafan tersebut diisytiharkan semasa persidangan Raja-raja Tanah Melayu dan Sumatera dengan pemerintah tentera Jepun di Singapura
- Kedudukan Raja-raja Melayu di negeri masing-masing diletakkan di bawah pengawasan Gabenor Jepun di Tanah Melayu






# 3.1

# LATAR BELAKANG PEMERINTAHAN BERAJA DAN DEMOKRASI BERPARLIMEN

## APAKAH KRONOLOGI SEJARAH NEGARA KITA BERKAITAN DENGAN PEMERINTAHAN BERAJA?

- 
- Pemerintahan beraja menzrima cabaran apabila Malayan Union diperkenalkan pada tahun 1946
  - Raja-raja Melayu kehilangan kuasa sebagai pemerintah negeri kerana kuasa pemerintahan diambil oleh Raja England
  - British memerintah Malayan Union secara langsung melalui Gabenor yang dilantik
  - Raja-raja Melayu bersetakat untuk menentang Malayan Union dengan sokongan orang Melayu menyebabkan British menggantikan Malayan Union dengan Persekutuan Tanah Melayu 1948
  - Kedaulatan Raja-raja Melayu yang diwarisi daripada Kesultanan Melayu Melaka dikembalikan seperti sebelum Perang Dunia Kedua melalui Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948
  - Undang-undang Tubuh digubal oleh Raja-raja Melayu bagi negeri masing-masing dan diguna pakai sehingga hari ini






3.1

# LATAR BELAKANG Pemerintahan Beraja dan Demokrasi Berparlimen

## APAKAH KRONOLOGI SEJARAH NEGARA KITA BERKAITAN DENGAN PEMERINTAHAN BERAJA?



- Kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957 diprologh melalui perundingan dan persetujuan Raja-raja Melayu
- Pemerintahan beraja diteruskan dalam Perlembagaan Persekutuan dan beberapa pindaan dibuat supaya sesuai dengan konsep demokrasi
- Jawatan Yang di-Pertuan Agong diwujudkan sebagai Ketua Utama Negara. Kedudukan, kuasa dan tugas Yang di-Pertuan Agong termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan
- Ciri Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen dalam Perlembagaan Persekutuan mengiktiraf raja sebagai pemerintah tertinggi negara
- Sementara itu, rakyat diberi hak memilih wakil mereka melalui pilihan raya untuk membentuk kerajaan





3.2

# SEJARAH DAN KEDUDUKAN INSTITUSI MAJLIS RAJA-RAJA



APAKAH KRONOLOGI MAJLIS  
RAJA-RAJA DI NEGARA KITA?



*PEMBENTUKAN DURBAR NEGERI-  
NEGERI MELAYU BERSEKUTU (NNMB)*



**Dibentuk pada :**

1897 (Seiring dengan penubuhan NNMB)

**Peranan :** Majlis persidangan bagi Raja-raja Melayu negeri Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan untuk membincangkan hal ehwal pentadbiran Kerajaan Persekutuan dengan pihak British

3.2

# SEJARAH DAN KEDUDUKAN INSTITUSI MAJLIS RAJA-RAJA



## APAKAH KRONOLOGI MAJLIS RAJA-RAJA DI NEGARA KITA?

### MAJLIS SULTAN-SULTAN SEMASA MALAYAN UNION



**Peruntukan daripada :** Perlembagaan Malayan Union 1946

**Ciri-ciri :** Di bawah The Malayan Union Order in Council 1946, Majlis Sultan-Sultan dipengerusikan oleh Gabenor Malayan Union dan terdiri daripada sembilan orang Raja Melayu dan tiga pegawai kanan British

**Peranan :** Membincangkan undang-undang berkaitan dengan agama Islam dan menasihati Gabenor tentang perkara yang dibangkitkan oleh Raja-raja Melayu

**Kegagalan :** Majlis tersebut tidak pernah diwujudkan dalam tempoh Malayan Union kerana Raja-raja Melayu menentang pelaksanaan Malayan Union

3.2

# SEJARAH DAN KEDUDUKAN INSTITUSI MAJLIS RAJA-RAJA



## APAKAH KRONOLOGI MAJLIS RAJA-RAJA DI NEGARA KITA?

*MAJLIS RAJA-RAJA SEMASA*

*PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948*



**Ditubuhkan secara rasmi pada :**  
Tahun 1948

**Ciri-ciri :** Diurus sepenuhnya oleh Raja-raja Melayu. Pengerusi mesyuarat ditentukan oleh Raja-raja Melayu dalam kalangan sembilan orang Raja Melayu. Ia perlu disertai oleh Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja untuk memeterai keputusan persidangan. Raja-raja Melayu diberi hak dan kuasa untuk mendapat penerangan daripada Pesuruhjaya Tinggi British tentang penggubalan undang-undang dan dasar Kerajaan Persekutuan.

**Peranan :** Menjadi institusi yang dilengkapi dengan kuasa dan sekretariat, sesuai dengan kedudukan dan peranannya

3.2

# SEJARAH DAN KEDUDUKAN INSTITUSI MAJLIS RAJA-RAJA



## APAKAH KRONOLOGI MAJLIS RAJA-RAJA DI NEGARA KITA?

*MAJLIS RAJA-RAJA SELEPAS MERDEKA*



**Ciri-ciri 1957** : Yang di-Pertua Negeri Melaka dan Pulau Pinang menjadi ahli Majlis Raja-Raja

**Ciri-ciri 1963** : Yang di-Pertua Negeri Sarawak dan Sabah menjadi ahli Majlis Raja-Raja

**Ciri-ciri** : Yang di-Pertua Negeri tidak turut serta dalam mesyuarat khas melibatkan institusi beraja seperti pemilihan Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong

**Peranan** : Dikekalkan



3.2

# SEJARAH DAN KEDUDUKAN INSTITUSI MAJLIS RAJA-RAJA

## APAKAH FUNGSI MAJLIS RAJA- RAJA DI NEGARA KITA?

1

Memilih Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong

2

Bersetuju atau tidak bersetuju sebarang undang-undang yang memerlukan persetujuan Majlis Raja-Raja.

3

Memberikan nasihat berkaitan dengan pelantikan jawatan tertentu.

4

Menjadi rujukan dalam perubahan dasar berhubung dengan kedudukan istimewa orang Melayu, bumiputera di Sarawak dan Sabah dan kepentingan sah kaum lain.





3.2

# SEJARAH DAN KEDUDUKAN INSTITUSI MAJLIS RAJA-RAJA

## APAKAH FUNGSI MAJLIS RAJA- RAJA DI NEGARA KITA?

5

Menjadi Lembaga Pengampunan bagi kes-kes tertentu.

6

Memperkenankan perubahan persempadanan negeri setelah mendapat perkenan raja negeri berkenaan.

7


Memperkenankan pindaan perlembagaan bagi perkara-perkara tertentu.



### 3.3


# Yang di-Pertuan Agong dan Raja dalam Perlembagaan Persekutuan

## KLASIFIKASI INSTITUSI BERAJA DI NEGARA KITA



## *Institusi Yang di-Pertuan Agong*





### 3.3

# Yang di-Pertuan Agong dan Raja dalam Perlembagaan Persekutuan

## KEDUDUKAN YANG DI-PERTUAN AGONG

- Termaktub dalam Perkara 32 Perlembagaan Persekutuan.
- Sebagai Ketua Negara.
- Menjadi punca kedaulatan, ketaatan, perpaduan, kebesaran dan kemuliaan negara.

### **Keutamaan Kedudukan dalam Persekutuan**

1. Yang di-Pertuan Agong.
2. Raja Permaisuri Agong.
3. Raja-raja dan Pemangku Raja.
4. Yang di-Pertua bagi Negeri-negeri.
5. Bekas Raja Permaisuri Agong yang menerima saraan Diraja daripada Kerajaan Persekutuan.
6. Perdana Menteri.
7. Timbalan Perdana Menteri.

### 3.3

# Yang di-Pertuan Agong dan Raja dalam Perlembagaan Persekutuan

## KUASA YANG DI-PERTUAN AGONG

### Melantik Perdana Menteri dan Jemaah Menteri

- Baginda melantik seorang Ahli Dewan Rakyat yang pada budi bahasa baginda mendapat kepercayaan sebilangan besar ahli Dewan Rakyat sebagai Perdana Menteri.
- Dengan nasihat Perdana Menteri, baginda melantik Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri daripada Dewan Rakyat atau Dewan Negara.

### Pelantikan Jawatan Penting

- Baginda melantik Peguam Negara, Panglima Angkatan Tentera dan Ketua Audit Negara.
- Baginda melantik Ahli Suruhanjaya Pilihan Raya, Ahli Suruhanjaya Polis dan sejumlah ahli dalam Majlis Angkatan Tentera.

### Ketenteraan

- Baginda ialah pemerintah tertinggi seluruh Angkatan Tentera Malaysia.
- Baginda dibantu oleh Majlis Angkatan Tentera yang bertanggungjawab di bawah kuasa baginda bagi pemerintahan, tatatertib dan pentadbiran angkatan tentera serta perkara yang bersangkutan dengan gerakan tentera.

### Diplomatik

- Baginda melantik diplomat Malaysia ke luar negara.
- Baginda menerima menghadap diplomat asing sebelum mereka mula menjalankan tugas di Malaysia.

## Kuasa Eksekutif

### 3.3

# Yang di-Pertuan Agong dan Raja dalam Perlembagaan Persekutuan

## KUASA YANG DI-PERTUAN AGONG

*Yang di-Pertuan Agong memperkenalkan sesuatu Rang Undang-Undang yang melalui proses pembentangan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara.*

### Persidangan Parlimen

- 👑 Baginda mempunyai kuasa memanggil Parlimen bersidang.
- 👑 Baginda berkuasa memberhentikan dan membubarkan Parlimen.

### Agama

- 👑 Baginda merupakan Ketua Agama Islam di negeri baginda sendiri, Wilayah Persekutuan, Melaka, Pulau Pinang, Sarawak dan Sabah.
- 👑 Ketua agama Islam di negeri-negeri lain ialah sultan atau raja yang memerintah di negeri masing-masing.


### Hak dan Keistimewaan

- 👑 Baginda bertanggungjawab menjaga serta melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera di Sarawak dan Sabah.
- 👑 Baginda bertanggungjawab melindungi kepentingan sah kaum lain di Malaysia.

### Pengisytiharan Darurat

- 👑 Baginda boleh membuat pengisytiharan darurat.
- 👑 Pengisytiharan darurat dibuat setelah baginda memastikan kebenaran wujudnya keadaan yang mengancam keselamatan awam dan ekonomi negara.

## Kuasa Perundangan



### 3.3

# Yang di-Pertuan Agong dan Raja dalam Perlembagaan Persekutuan


## KUASA YANG DI-PERTUAN AGONG

- \* *Yang di-Pertuan Agong melantik hakim Mahkamah Atasan atas nasihat Perdana Menteri setelah dipertimbangkan oleh Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman dan berunding dengan Majlis Raja-Raja.*
- \* *Hakim Mahkamah Atasan terdiri daripada Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan, Hakim Besar Mahkamah Tinggi Malaya, Hakim Besar Mahkamah Tinggi Sarawak dan Sabah, Hakim Mahkamah Persekutuan, Hakim Mahkamah Rayuan dan Hakim Mahkamah Tinggi.*

### Kuasa Pengampunan

- 👑 Dalam hal jenayah di Wilayah Persekutuan, seseorang yang sudah dihukum boleh memohon keampunan daripada Yang di-Pertuan Agong.
- 👑 Baginda akan bertindak atas nasihat Lembaga Pengampunan.
- 👑 Baginda berkuasa mengampunkan, menangguhkan dan meringankan hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Tentera, Mahkamah Syariah di Melaka, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan.

### Kuasa Kehakiman



3.4

# Amalan Demokrasi dan Pengasingan Kuasa

## APAKAH CIRI DEMOKRASI BERPARLIMEN DI NEGARA KITA?

1

### Amalan Pilihan Raya

- \* Merupakan elemen penting yang menandakan wujudnya amalan demokrasi dinegara kita.
- \* Pilihan raya umum diadakan dalam tempoh lima tahun.
- \* Membuktikan amalan demokrasi dilaksanakan di Malaysia sehingga hari ini.


Antara parti politik yang terlibat dalam pilihan raya bagi memperoleh mandat daripada rakyat untuk memerintah.

Kempen pilihan raya membolehkan rakyat mengenali calon dan memahami manifesto parti yang bertanding.

Rakyat menyemak nama pada daftat pemilih sebelum mengundi.

Undian dilakukan dengan menggunakan prosedur yang telus dan sistematik.

Undian ialah rahsia dan merupakan bukti keabsahan kerajaan yang dipilih rakyat.



3.4

# Amalan Demokrasi dan Pengasingan Kuasa

APAKAH CIRI DEMOKRASI BERPARLIMEN DI NEGARA KITA?



2

## Kebebasan Asasi

- \* Merupakan hak yang dimiliki oleh seseorang individu di sisi undang-undang.
- \* Perlembagaan Persekutuan menggariskan peruntukan berkaitan dengan kebebasan asasi.



1

## Kebebasan Diri

Tiada seorang pun diambil nyawanya atau dilucutkan kebebasan dirinya kecuali mengikut undang-undang.



2

## Kebebasan Beragama

Islam ialah agama Persekutuan. Penganut agama lain boleh mengamalkan agama masing-masing.



3

## Hak Berkenaan dengan Pendidikan

Tidak boleh ada diskriminasi terhadap warganegara atas alasan agama, ras, keturunan atau tempat lahir.



4

## Kebebasan Bersuara, Berhimpun dan Berpersatuan

Setiap warganegara berhak kepada kebebasan bersuara, berhimpun secara aman dan membentuk persatuan.

# Amalan Demokrasi dan Pengasingan Kuasa

## APAKAH CIRI DEMOKRASI BERPARLIMEN DI NEGARA KITA?

3

### Pengasingan Kuasa dalam Pemerintahan


- \* Diamalkan sejak negara mencapai kemerdekaan hingga hari ini.
- \* Dibahagikan kepada tiga badan, iaitu badan perundangan (legislatif), eksekutif (pelaksana) dan kehakiman (judisiari).
- \* Ditentukan oleh Perlembagaan Persekutuan.
- \* Yang di-Pertuan Agong ialah Ketua Utama Negara dan punca kuasa kepada ketiga-tiga badan ini.



# Amalan Demokrasi dan Pengasingan Kuasa

## PENGASINGAN KUASA DALAM PEMERINTAHAN

### ❑ Badan Perundangan



#### Dewan Negara atau Senat

- Dewan tertinggi dalam sistem perundangan negara.
- Membahaskan rang undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Rakyat dengan lebih teliti.

#### Parlimen

- \* Badan perundangan tertinggi di Malaysia.
- \* Terdiri daripada tiga komponen.
- \* Merupakan lambang demokrasi dan mencerminkan aspirasi rakyat melalui perwakilan yang dipilih.
- \* Berkuasa menggubal undang-undang, membuat pindaan undang-undang Persekutuan sedia ada, menyemak dasar kerajaan, meluluskan perbelanjaan kerajaan dan sistem cukai yang baharu.

#### Dewan Rakyat atau Perwakilan

- Dewan yang ahlinya dipilih oleh rakyat melalui pilihan raya.
- Menggubal dan meluluskan undang-undang pada peringkat Dewan Rakyat.

#### Yang di-Pertuan Agong

- Salah satu komponen dalam badan perundangan.

# Amalan Demokrasi dan Pengasingan Kuasa


## PENGASINGAN KUASA DALAM PEMERINTAHAN

### ❑ Badan Perundangan



- \* Dewan Undangan Negeri d=terdapat di setiap negeri kecuali bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. Ketiga-tiga wilayah tersebut hanya mempunyai ahli Parlimen.
- \* Dewan Undangan Negeri(DUN) terdiri daripada Sultan atau Yang di-Pertua Negeri selaku ketua negeri, Speaker Dewan dan Ahli Dewan Undangan Negeri(ADUN) yang dipilih melalui pilihan raya peringkat negeri.
- \* DUN berfungsi untuk menggubal undang-undang bagi negeri masing-masing.

### ❑ Badan Eksekutif



## Jemaah Menteri(Kabinet)

- ⦿ Jemaah Menteri terdiri daripada Perdana Menteri dan menteri seperti Menteri Kewangan, Menteri Pendidikan dan Menteri Kesihatan.
- ⦿ Tugas utama Jemaah Menteri menggubal dasar negara dan melaksanakan pembangunan.
- ⦿ Perdana Menteri mengetuai Jemaah Menteri, memimpin kerajaan dan menjalankan pentadbiran pada peringkat Kerajaan Persekutuan.
- ⦿ Menteri mengetuai kementerian untuk melaksanakan dasar kerajaan yang diputuskan oleh Jemaah Menteri.
- ⦿ Anggota Jemaah Menteri berpegang pada prinsip tanggungjawab bersama secara kolektif kepada Parlimen. Setiap menteri mesti mempertahankan keputusan yang dibuat oleh Jemaah Menteri.
- ⦿ Sekiranya seseorang menteri tidak bersetuju dengan dasar kerajaan, beliau hendaklah meletakkan jawatan sebagai ahli Jemaah Menteri.

# Amalan Demokrasi dan Pengasingan Kuasa

## PENGASINGAN KUASA DALAM PEMERINTAHAN

### □ Badan Eksekutif



## Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

- ⦿ Pada peringkat negeri, kuasa eksekutif terletak pada Sultan atau Raja atau Yang di-Pertua Negeri.
- ⦿ Bagi negeri di Semenanjung Malaysia, kuasa eksekutif ini dilaksanakan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau EXCO (Executive Council). Di Sarawak dan Sabah, badan eksekutif negeri dikenali sebagai Kabinet Negeri.
- ⦿ Pentadbiran Kerajaan Negeri diketuai oleh Menteri Besar atau Ketua Menteri.

### □ Badan Kehakiman


- Badan kehakiman diketuai oleh Ketua Hakim Negara. Kuasa badan kehakiman dilaksanakan oleh mahkamah.
- Hakim dilantik untuk memastikan sistem kehakiman dan keadilan ditegakkan di negara kita.
- Peranan badan kehakiman adalah untuk mengadili pertikaian antara pemerintah dengan rakyat mahupun sesama rakyat.
- Badan kehakiman juga menyelesaikan konflik Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.
- Fungsi badan kehakiman bergantung pada status mahkamah yang terdiri daripada Mahkamah Atasan dan Mahkamah Bawahan serta Mahkamah Khas.
- Selain itu, terdapat mahkamah pada peringkat negeri, iaitu Mahkamah Syariah serta Mahkamah

3.4

# Amalan Demokrasi dan Pengasingan Kuasa

## PENGASINGAN KUASA DALAM PEMERINTAHAN

### □ Badan Kehakiman



**3.5**

# Keunikan Amalan Demokrasi Berparlimen di Negara Kita

- Keunikan pemerintahan di negara kita teradun antara unsur tradisional dengan moden.

Unsur Tradisional terletak pada kedudukan raja sebagai warisan sosiopolitik masyarakat Melayu.

Unsur moden ialah Demokrasi Berparlimen berdasarkan model Westminster England.

Gabungan/Kombinasi Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen merupakan kaedah terbaik untuk mengimbangi amalan demokrasi dalam persekitaran sosiopolitik di negara kita yang mempunyai kepelbagaian bangsa, agama dan budaya.



3.5

# Keunikan Amalan Demokrasi Berparlimen di Negara Kita

🐾 **Sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen mewujudkan mekanisme semak dan imbang dalam pemerintahan di negara kita.**

- **Pemerintahan beraja berperanan mengimbangi pemerintahan demokrasi kerana raja berkecuali dalam hal politik, ekonomi dan dasar negara.**
- **Kuasa pengimbang yang ada pada raja mampu meredakan konflik yang berlaku dalam demokrasi seperti pertikaian parti politik yang pelbagai ideologi dan perselisihan kaum.**



**Badan perundangan diberi peranan menggubal undang-undang yang akan dilaksanakan oleh badan eksekutif. Sekiranya timbul konflik dan kekeliruan, penyelesaian dibuat melalui badan kehakiman.**



3.5

# Keunikan Amalan Demokrasi Berparlimen di Negara Kita

🐾 Kuasa budi bicara ialah kuasa yang boleh dilaksanakan oleh baginda tanpa mendengar atau menurut nasihat ketua kerajaan dalam perkara tertentu.



## NEGERI

- Raja dan Yang di-Pertua Negeri mempunyai kuasa budi bicara melantik ketua Kerajaan Negeri, iaitu Menteri Besar dan Ketua Menteri.
- Raja dan Yang di-Pertua Negeri mempunyai kuasa budi bicara tidak memperkenankan pembubaran Dewan Undangan Negeri (DUN).



## NEGARA

- Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa budi bicara dalam soal pelantikan ketua Kerajaan Persekutuan, iaitu Perdana Menteri.
- Yang di-Pertuan Agong juga mempunyai kuasa budi bicara untuk tidak memperkenankan permintaan pembubaran Parlimen.


3.5

# Keunikan Amalan Demokrasi Berparlimen di Negara Kita

- ❗ Kerjasama politik menekankan soal perkongsian kuasa antara kaum berdasarkan prinsip tolak ansur, perundingan dan pengorbanan bagi memastikan suara setiap kaum diwakili.



Permuafakatan pelbagai parti politik dalam satu gabungan membolehkan parti politik membentuk kerajaan dan berkongsi kuasa dalam pemerintahan di negara kita.



## SEJARAH PILIHAN RAYA UMUM

Pilihan Raya pada tahun 1955 : Gabungan parti berasaskan kaum dibentuk atas nama Parti Perikatan. Gabungan ini kemudiannya dikenali sebagai Barisan Nasional. Parti ini memenangi 13 kali pilihan raya umum untuk membentuk Kerajaan Persekutuan.

Pilihan Raya Umum ke-14 pada tahun 2018 : Kerjasama politik telah membolehkan Pakatan Harapan memenangi pilihan raya membentuk Kerajaan Persekutuan.





Pemerintahan negara yang berakar umbi daripada tradisi budaya mesti dipelihara untuk mengekalkan jati diri bangsa.



Sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen terbukti berjaya mewujudkan kestabilan politik, kemakmuran ekonomi dan kesejahteraan sosial.



Sebagai rakyat berjiwa patriotik, prinsip Kesetiaan kepada Raja dan Negara dalam Rukun Negara mesti diterjemahkan dalam amalan kehidupan harian.



Setiap ahli keluarga perlu mengamalkan sifat mentaati ketua keluarga untuk mewujudkan keluarga yang aman dan harmoni.



Keunggulan sistem pemerintahan mesti dipertahankan sebagai lambang kedaulatan dan jaminan demi kesejahteraan rakyat.



# RUMUSAN BAB

Malaysia mempunyai bentuk pemerintahan yang unik dengan ciri tersendiri. Kombinasi Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen membentuk pentadbiran yang sistematik dan unggul. Sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen berjaya mewujudkan kestabilan. Hal ini membawa kemajuan dalam pelbagai bidang sejak merdeka hingga hari ini. Sebagai rakyat Malaysia yang cinta akan negara, kita sewajarnya menyedari kepentingan taat setia kepada pemerintah demi kemakmuran bangsa dan negara.

